Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 12, e002013
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2013

Kerangka Pengajaran Kelas Berbalik Seni Arca

(A Flipped Classroom Teaching Framework For Sculpture)

Noor Afzan Binti Ihwan[1*], Muhammad Zainuddin Bin Abindinhazir[2], Amir bin Hashim[3]

[1]Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: noafzan@gmail.com
[2]Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: zainuddin@fskik.upsi.edu.my
[3]Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: amir@fskik.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Noor Afzan Binti Ihwan
(noafzan@gmail.com)

KATA KUNCI:
Kelas Berbalik
Pendidikan Seni Visual
Seni Arca KSSM

KEYWORDS:
Flipped classroom
Visual Art Education
Sculpture Art KSSM

CITATION:
Noor Afzan Ihwan, Muhammad Zainuddin Bin Abindinhazir, & Amir Hashim. (2022). Kerangka Pengajaran Kelas Berbalik Seni Arca. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(12), e002013. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2013

ABSTRAK

Kaedah pengajaran guru yang interaktif dan berpusatkan murid penting bagi menarik minat murid dalam memahami sesuatu topik. Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan satu kerangka pengajaran kelas berbalik bagi mata pelajaran seni arca. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penghasilan kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa, pertama fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian. Reka bentuk dan pembangunan kerangka pengajaran kelas berbalik akan disahkan dan dinilai kebolehgunaanya oleh pakar guru yang dilantik melalui kaedah teknik kumpulan nominal (NGT). Penghasilan kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca ini diharapkan mencapai matlamat untuk membantu guru dalam menginovasikan dan menyesuaikan kaedah pengajaran Pendidikan Seni Visual mereka.

ABSTRACT

Interactive and student-centered teaching methods are important to attract students' interest to understand a topic. The purpose of the study is to produce a flipped class teaching framework for sculpture subject. This study use a qualitative approach. The construction of teaching framework for flipped sculpture art class will be implement in three phases; first, requirements analysis phase; second, the design and development phase; and third, the evaluation phase. The usability of the design and development of the flipped classroom teaching framework will be verified and evaluated by expert teachers appointed through the nominal group technique method (NGT). The construction of the flipped classroom teaching framework for the topic of sculpture is expected to achieve the goal of

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

helping teachers in innovating and adapting their Visual Art Education teaching methods.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkaitan dengan kelas berbalik.

1. Pengenalan

Matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah menghasilkan pendidikan berimpak tinggi agar murid yang dihasilkan melalui sistem pendidikan negara berkualiti. Kementerian Pendidikan Malaysia yakin bahawa murid yang berkualiti akan lahir melalui guru yang berkualiti. Justeru, kualiti guru mempengaruhi keberhasilan murid.

Oleh itu, anjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu transformasi keguruan sebagai profesion pilihan adalah sangat wajar (PPPM,2013-2025). Seperti yang dinyatakan oleh Barber dan Mourshe (2007) bahawa kualiti sesebuah sistem sekolah tidak boleh lebih tinggi daripada guru-gurunya. Oleh itu, guru Pendidikan Seni Visual (PSV) juga tidak lari daripada keperluan dalam memenuhi tuntutan kualiti pengajaran guru.

Sepertimana, laporan daripada Normiati dan Abdul Said (2019) menggambarkan bahawa kualiti pengajaran guru memberi impak yang besar terhadap kaedah pengajaran guru, pengurusan kelas dan watak guru tersebut. Ianya sejajar dengan kehendak Standard 4 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) berfokuskan kepada perancangan dan perlaksanaan proses P&P berkualiti tinggi dalam usaha untuk membangunkan potensi dan pencapaian murid secara berterusan ke tahap optimum.

Kesimpulannya, pendekatan pengajaran guru memainkan peranan penting dalam menarik minat dan tumpuan murid pada pdpc yang dijalankan. Guru harus bijak dalam menerapkan pendekatan pengajaran yang interaktif sejajar dengan kehendak PPPM 2013-2025 dan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia dalam menghasilkan pendekatan pengajaran yang efektif dan interaktif. Oleh itu, guru-guru hendaklah sentiasa berlapang dada dan berusaha untuk memperbaiki kaedah pengajaran sesuai dengan keperluan bagi menghasilkan kualiti modal insan yang berimpak tinggi.

2. Sorotan Literatur

Pendekatan pengajaran guru merupakan salah satu bahagian penting dalam sistem pendidikan dan mempunyai pengaruh besar dalam menentukan kualiti pelajar yang dihasilkan. Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan satu sesi pdpc yang berkesan. Kelemahan dalam memilih pendekatan pengajaran yang sesuai akan memberi kesan yang serius terhadap kelangsungan sesuatu pdpc. Pengajaran guru berkait rapat dengan prestasi murid, kepelbagaian pengajaran dan kaedah pengajaran guru akan mempengaruhi minat dan pencapaian murid

Guru PSV juga mempunyai keperluan dalam menghasilkan pdpc yang berkualiti kerana pendekatan pengajaran guru PSV turut menyumbang kepada kejayaan murid. Hastad dan Lacy (1998) menyokong idea bahawa guru pendidikan seni harus memberi tumpuan kepada pembangunan dan peningkatan kemahiran kognitif, emosi dan psikomotor murid. Ini kerana apa yang diperoleh murid tidak bergantung kepada sekolah yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dihadiri sebaliknya bergantung kepada guru di sekolah tersebut (Nur Farhah & Fatimah, 2018). Pada masa yang sama guru merupakan seorang yang mampu mencipta sesuatu yang berbeza dalam personaliti individu murid dengan pelbagai pendekatan (Normiati & Abdul Said, 2019).

Kaedah pengajaran kelas berbalik yang telah diasaskan oleh Bergmann dan Aaron Sams (2008) memberi peluang kepada guru-guru terutama guru-guru PSV untuk menginovasi pendekatan pengajaran mereka. Lanjutan daripada penemuan baru ini mendorong pengkaji-pengkaji yang lain meneliti kelebihan-kelebihan pengaplikasian pendekatan kelas berbalik ke atas strategi pengajaran mereka. Antaranya Vanessa dan Rivera (2016) dalam kajiannya terhadap kelebihan dan kekurangan kelas berbalik daripada perspektif guru seni menjelaskan terdapat banyak kekangan yang dihadapi oleh guru apabila menggunakan pendekatan kelas berbalik, namun kelebihan yang terdapat pada kelas berbalik mendorong guru-guru dan murid untuk melihat daripada sudut faedah. Ini kerana pelaburan masa dan tenaga dalam menyediakan sumber memberikan kelebihan di masa hadapan. Ianya bermanfaat apabila pelajaran PSV lebih mudah dikongsi dan diakses pada masa akan datang oleh murid-murid tanpa perlu guru mengulangi semula topik di dalam kelas.

Loh dan Abdul Razaq (2022) mengenal pasti keberkesanan kelas berbalik terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menjelaskan kekangan yang dihadapi oleh guru ketika melaksanakan kelas berbalik dalam mata pelajaran sejarah. Antaranya ialah kesuntukan masa yang dihadapi guru kesan daripada penyediaan bahan pengajaran. Namun, kajian juga menunjukkan terdapat peningkatan terhadap kemahiran berfikir (KBAT) dalam kalangan murid. Perubahan kaedah pengajaran yang dilaksanakan dalam bentuk pemusatan murid dalam kelas berbalik mampu membantu murid dalam mengaplikasikan pemikiran KBAT dalam mata pelajaran sejarah.

Keberkesanan pendekatan pengajaran kelas berbalik bagi meningkatkan kemahiran murid sekolah rendah bagi subjek Bahasa Melayu telah dilaksanakan oleh Md Fadzil dan Zamri (2020). Kajian quasi-eksperimen berbentuk ujian pra dan pasca serta senarai semak merumuskan bahawa prestasi mengolah isi karangan bagi kumpulan eksperimen adalah lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Secara keseluruhan dapatan kajian juga menjelaskan bahawa kelas berbalik dapat meningkatkan kemahiran dan membantu murid dalam aktiviti mengolah isi karangan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang berfokuskan pendekatan kelas berbalik, menunjukkan kelebihan kelas berbalik yang mampu menyediakan akses bahan pengajaran pada masa hadapan dalam meningkatkan kemahiran dan penglibatan pelajar. Walaupun terdapat kekangan awal yang melibatkan penyediaan bahan pengajaran dan akses talian, namun faedah yang terdapat dalam pendekatan kelas berbalik tidak dapat disangkal. Kelas berbalik membantu dalam menyediakan pengajaran aktif dan menjadikan pelajar lebih berkeyakinan serta bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri (Hanan Abdel & Gihan Maher, 2018).

Namun begitu, untuk merubah suatu pendekatan pengajaran bukanlah hanya bersandarkan intuitif dan kepercayaan semata-mata tetapi memerlukan panduan atau bimbingan yang khusus (Dalbani, Eissa, Syed-Ahmad & Almusharraf, 2022). Walaupun terdapat usaha guru-guru PSV untuk mengaplikasikan kaedah pengajaran tersebut, namun masih terdapat kekurangan dalam reka bentuk dan aktiviti. Malahan, kajian-

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kajian tentang rangka kerja pengajaran yang baik juga kurang dikaji oleh pengkaji terdahulu khususnya bidang PSV.

Selain itu, ketidakberjayaan perlaksanaan pengajaran kelas berbalik oleh guru-guru PSV juga disebabkan oleh kekurangan panduan dan latihan. Kajian kualitatif oleh Ironsi (2022) untuk mengenal pasti pandangan guru-guru terhadap peralihan kaedah pengajaran daripada amalan pengajaran tradisional ke kelas berbalik telah dilaksanakan. Kajian tersebut merumuskan bahawa, salah tanggapan guru-guru terhadap kelas berbalik disebabkan terdapat sedikit atau tiada latihan untuk tenaga pengajar dan mereka hanya dibekalkan dengan garis panduan sebelum menukar kaedah pengajaran mereka.

Oleh itu, kajian lanjut bagi membantu guru PSV dalam mempertingkat kualiti pengajaran dikenal pasti. Antaranya, kajian Nor Azira dan Siti Shamsiah (2019) menjelaskan tentang keberkesanan penggunaan manual dalam membantu pengajaran guru. Kajian tersebut menjelaskan manual yang terhasil juga boleh diguna pakai oleh guru bukan opsyen bagi membantu guru semasa proses pengajaran. Saranan juga diberikan kepada pengkaji akan datang untuk menghasilkan manual bagi membantu guru-guru meningkatkan kemahiran pengajaran mereka.

Penghasilan modul pengajaran juga diyakini mampu membantu guru PSV dalam menghasilkan pdpc yang berkualiti. Hasil analisis kebolehgunaan pembangunan dan penilaian modul pengajaran STEM oleh Siti Nabilah, Muzirah, Fainida, Nurul Akmal dan Nor Azian (2019) misalannya, menunjukkan peratusan persetujuan yang sangat tinggi. Ini menjelaskan bahawa pembangunan modul pengajaran dapat membantu guru dalam menghasilkan pdpc yang dapat memenuhi matlamat kurikulum. Pengkaji juga menyarankan bahawa sesuatu bahan pdpc bagi KSSM perlulah memenuhi kriteria yang membantu murid dalam mengaitkan kehidupan seharian dengan hasil pembelajaran mereka.

Bukan itu sahaja, penggunaan kerangka pengajaran berasaskan peta pemikiran juga dilihat berpotensi untuk membantu guru dalam menyediakan panduan pembelajaran. Kesimpulan cadangan kajian yang dijalankan oleh Teoh dan Ng (2022) terhadap kerangka penggunaan peta pemikiran didapati mampu menambah baik strategi pengajaran dan pemudahcaraan guru. Penemuan itu juga menjadi satu garis panduan kepada guru dalam meneroka dan mempelbagaikan teknik pengajaran. Namun kerangka ini mensasarkan sampel murid untuk penulisan karangan naratif Bahasa Cina.

Melalui penelitian kajian lepas, satu kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi membantu guru mendapatkan panduan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan bimbingan guru. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menghasilkan satu kerangka pengajaran kelas berbalik yang boleh diguna pakai oleh guru-guru PSV. Kajian ini juga menyahut saranan kajian lepas dalam menghasilkan manual bagi membantu guru memperbaiki teknik pengajaran mereka dalam bentuk yang lebih dekat dan mesra guru iaitu kerangka pengajaran. Dengan adanya kajian ini, guru-guru PSV akan mempunyai satu garis panduan lengkap khusus untuk subjek Pendidikan Seni Visual.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif dipilih untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Selain itu, ianya juga membantu dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

memperjelaskan penemuan-penemuan baharu yang tidak boleh disangkal melalui penelitian yang dilakukan (Miles & Huberman, 1994). Manakala Sugiyono (2005) mencadangkan kajian kualitatif digunakan untuk memerhati keadaan objek semula jadi dan pengkaji merupakan instrumen input. Dalam kajian ini, kajian dijalankan dalam tiga fasa untuk memastikan kajian lebih sistematik iaitu:

Fasa satu : fasa analisis keperluan untuk meneroka keperluan pembangunan kerangka pengajaran kajian secara temu bual dan analisis dokumen.

Fasa dua : fasa reka bentuk dan pembangunan kerangka pengajaran melalui tinjauan literatur dan temu bual bagi mereka bentuk kerangka pengajaran dan teknik kumpulan nominal (NGT) untuk mengesahkan kandungan pembangunan kerangka pengajaran tersebut.

Fasa tiga : fasa penilaian pula melibatkan penilaian kebolehgunaannya oleh pakar guru dalam NGT.

3.1. Fasa Analisis Keperluan

Fasa pertama kajian meneroka keperluan struktur kerangka pengajaran kelas berbalik bersumberkan kaedah pengajaran kelas berbalik (Tune, Sturek & Basile, 2013). Gabungan strategi model pembelajaran *heutagogy* diterapkan bersandarkan 5 Standard Asas PAK 21 dan elemen pengajaran abad 21.

Jadual 1 menunjukkan perincian secara ringkas struktur kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca. Pembinaan struktur kerangka pengajaran kelas berbalik adalah berdasarkan elemen dan komponen kelas berbalik yang melibatkan persediaan pengajaran guru sebelum kelas, ketika bersemuka dan selepas kelas dilaksanakan berdasarkan sumber rujukan daripada hasil kajian Bergmann dan Sams (2012) serta Tune et al. (2013). Aktiviti pengajaran dalam kerangka kelas berbalik pula akan merujuk kepada 5 Standard Asas PAK 21 (4K1M) yang meliputi aspek kreatif, kritis, koperatif, nilai murni dan etika. Manakala elemen dalam pengajaran abad 21 yang melibatkan set induksi, pengembangan atau pengajaran berasaskan aktiviti, pengukuhan dan pengayaan serta penilaian akan dijadikan asas kepada pembentukan rancangan pengajaran harian dalam kerangka kelas berbalik. Namun begitu, segala perancangan aktiviti dalam pengajaran guru adalah berlandaskan kriteria seperti penerokaan, penciptaan, kolaborasi, hubungan, refleksi dan perkongsian seperti mana yang terdapat dalam heutagogi oleh Kenyon dan Hase(2013) serta Blaschke (2013).

Jadual 1 : Struktur Kerangka Pengajaran Kelas Berbalik Seni Arca Tingkatan 3 berdasarkan sumber literatur

Bil	Struktur		Sumber Literatur
1	Elemen dan Komponen kelas berbalik	- Sebelum kelas - Bersemuka - Selepas kelas	Bergmann, & Sams (2012) Tune, Sturek & Basile (2013)
2	5 Standard Asas PAK 21 (4K1M)	- Kreatif - Kritis - Koperatif - Nilai Murni & Etika	
3	Elemen dalam pengajaran	- Set Induksi	Kementerian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

	abad 21	- Pengembangan / Pengajaran berasaskan aktiviti - Pengukuhan dan pengayaan - Penilaian	Pendidikan Malaysia (2013)
4	Model pembelajaran heutagogi	- Penerokaan - Penciptaan - Kolaborasi - Hubungan - Refleksi - Perkongsian	Kenyon & Hase, (2013) Blaschke (2013)

Fasa ini juga membabitkan temu bual tidak berstruktur ke atas 6 orang guru PSV yang mengajar Seni Arca daripada 3 buah sekolah. Bilangan informan guru seramai 6 orang dipilih berdasarkan keperluan maklumat untuk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam kajian (Martha & Kresno, 2016). Informan guru yang terpilih juga mestilah guru opsyen PSV dan mengajar PSV sekolah menengah. Manakala kesahan instrumen bagi temu bual ini sebelumnya telah ditentukan oleh pensyarah universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidangnya. Semua dapatan kajian daripada temu bual dianalisis secara transkripsi. Data yang terkumpul adalah bagi mengetahui kepentingan atau kewajaran untuk membangunkan kerangka pengajaran, serta elemen-elemen pengajaran yang diperlukan yang dalam kerangka pengajaran kelas berbalik untuk tajuk seni arca.

3.2. Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Kerangka

Pengkaji memecahkan fasa ini kepada dua bahagian iaitu sub fasa reka bentuk dan sub fasa pembangunan. Sub fasa reka bentuk menekankan penghasilan dan pembinaan struktur yang akan dimasukkan ke dalam kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca. Reka bentuk draf kerangka pengajaran dihasilkan melalui tinjauan literatur dan dapatan daripada temu bual ke atas guru-guru PSV. Manakala sub fasa pembangunan bagi mengesahkan pembangunan kerangka tersebut menggunakan pendekatan *Nominal Group Technique* (NGT) yang terdiri daripada pakar-pakar yang dilantik dalam sub fasa reka bentuk secara edaran borang soal selidik. Secara ringkas fasa kedua reka bentuk dan pembangunan dijelaskan secara ringkas dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Fasa Reka bentuk dan Pembangunan

Bil	Sub-fasa	Metod	Catatan
1	Reka bentuk	- Tinjauan literatur - Temu bual berstruktur	- Proses menghasilkan draf komponen dan elemen kerangka pengajaran kelas berbalik.
2	Pembangunan	- *Nominal Group Technique* (NGT)	- Mengesahkan kandungan kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca.

Jadual 2 menunjukkan fasa kedua dalam kajian iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca. Dalam fasa reka bentuk, tinjauan literatur dan temu bual berstruktur dilaksanakan untuk mengenal pasti elemen-elemen kelas berbalik dan komponen-komponen yang akan digunakan dalam kerangka pengajaran tersebut. Manakala kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) dalam sub fasa pembangunan pula adalah bagi mengesahkan kandungan kerangka pengajaran tersebut.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.2.1. Nominal Group Technique (NGT)

7 orang responden panel pakar dipilih terdiri daripada 2 pensyarah pendidikan, 1 pegawai bahagian kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2 guru cemerlang PSV dan 2 orang guru PSV yang berpengalaman.

Pendekatan NGT digunakan untuk mengesahkan kandungan kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca yang telah dibina. NGT merupakan satu proses menghasilkan keputusan dalam bentuk perbincangan kumpulan kecil secara bersemuka (Aizzat, Intan, & Zainal, 2006). Kaedah ini menjurus pada pendekatan semi-kuantitatif iaitu gabungan pendekatan kualitatif. Dalam konteks kajian ini, peratusan dan persetujuan pakar terhadap kandungan struktur reka bentuk kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca akan diperoleh secara kuantitatif.

3.3. Fasa Penilaian

Dalam kajian ini, penilaian aspek kebolehgunaan kerangka pengajaran kelas berbalik seni arca ini akan dinilai oleh panel pakar guru yang di lantik. Pengukuran tahap kebolehgunaan kerangka pengajaran boleh diperoleh berdasarkan pendapat dan persepsi pakar (Jeng & Tzeng, 2012). Skop penilaian yang akan dilaksanakan ialah penilaian muka, kandungan dan kebolehgunaan kerangka pengajaran yang telah dibina. Dapatan pula dianalisis secara NGT dan data yang diperoleh berbentuk peratusan. Penilaian peratusan berkaitan kebolehgunaan kerangka pengajaran kelas berbalik menggunakan perisian software Microsoft Excel.

4. Kesimpulan

Pembangunan kerangka pengajaran kelas berbalik adalah untuk mengkaji sejauh mana kerangka pengajaran kelas berbalik mampu dijadikan panduan pengajaran guru dalam tajuk seni arca. Ianya seiring dengan hasrat KPM untuk memperkasakan PAK 21 bagi kualiti modal insan yang akan dihasilkan. Ianya bermula daripada guru-guru yang kompeten dan mempunyai aspirasi yang tinggi. Kerangka pengajaran kelas berbalik ini diharapkan dapat menjadi satu sumbangan kecil untuk bidang PSV dan seterusnya memberi manfaat bukan sahaja kepada pengkaji malahan guru-guru di sekolah.

Penghargaan

Terima kasih kepada pensyarah pembimbing yang banyak membantu sehingga terbitnya artikel ini.

Kewangan

Penyelidikan dan penerbitan artikel ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Aizzat, M.N., Intan, O., & Zainal Ariffin, A. (2006). *Pengantar Pengurursan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Barber, M., & Mourshed, M. *How the world 'best-performing school system come out on top*. (2007). McKinsey & company.

Bergmann, J., & Sams, A. (2012). *Flipped your classroom reach every student in every class every day.* Washington: International Society for Technology in Education.

Blaschke, L. M. (2013). E-learning and self-determined learning skills. In Kenyon, C., & Hase, S (Eds), *Self-determined learning: Heutagogy in action*, (p.p. 55-68). Bloomsbury.

Dalbani, H., Eissa, S., Syed-Ahmad, S.F., & Almusharraf, N. (2022). Transitioning to Flipped Classrooms: Instructors' Perspectives. *Sustainability, 14*(20), 13426, https://doi.org/10.3390/su142013426

Hanan Abdel S.M., & Gihan Maher G. (2018). Effectiveness of flipped classrooms using the Blackboard System in developing art work skills and attitudes of Faculty of Education female students at Jouf University toward the use of practical skills. *Journal of Research in Curriculum, Instruction and Educational Technology, 4*(3), 141-161, https://doi.org/10.21608/jrciet.2019.31952

Hastad, D. N., & Lacy, A. C. (1998). *Measurement and evaluation in physical education and exercise science (3rd ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.

Ironsi, C. S. (2021). A Switch From Flipped Classrooms To Emergency Remote Online Teaching (Erot): Misconceptions, Instructors And Preservice Teachers Perceptions. *The International Journal of Information and Learning Technology*, *39*(1), 13-28, https://www.emerald.com/insight/2056-4880.html

Jeng, D. J.F., & Tzeng, G.H., (2012). Social influence on the use of clinical decision support system: Revisiting the unified theory of acceptance and use of technology by the fuzzy DEMATEL technique. *Computer & Industrial Engeneering*, *62*(3), 819-828, https://doi.org/10.1016/j.cie.2011.12.016

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Bab 4 : Pembelajaran Murid. (4-1-4-7) https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf

Kenyon, C., & Hase, S. (2013). Heutagogy fundamentals. In Kenyon, C., & Hase, S (Eds), *Self-determined learning: Heutagogy in action*, (pp. 7-18). Bloomsbury.

Loh, M. W. & Abdul Razaq Ahmad. (2022). Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Terhadap Amalan Pemikiran Aras Tinggi Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *7*(3), https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1322

Martha, E., & Kresno, S. (2016). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Jakarta: Rajawali Press.

Md Fadzil, M. & Zamri, M. (2020). Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengolah Isi Karangan Murid-Murid Sekolah Rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, *6*(1). https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2803

Miles, M.B., & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative data analysis.* (2nd ed.). London: Sage Publications.

Nor Azira & Siti Shamsiah. (2019). Pembinaan manual pembelajaran berasaskan pemikiran: "Jom Fikir Kdk" bagi kegunaan guru pelatih. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education, 9*(2), 39-52, https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol9.no2.4.2019

Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *4*(2), 30 -42, https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i2.189

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Nur Farhah., M., S., & Fatimah wati., H. (2018) . Pengaruh Personaliti Lima Faktor Terhadap Tingkah Laku Kewargaan Organisasi (TKO) Dalam Kalangan Guru. *Jurnal Psikologi Malaysia, 32*(2), 136-147, 1-11. http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/issue/view/31

Siti Nabilah. K., Musa Muzirah, Fainida. R., & Nurul Akmal. M. (2019). Pembangunan dan Penilaian Modul Pengajaran STEAM dalam Bidang Statistik dan Kebarangkalian dalam KSSM Matematik Tingkatan 2. *Journal of Quality Measurement and Analysis, 15*(2), 25-34. http://www.ukm.my/jqma

Sugiyono. (2006). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Kualitatif R&D*. Bandung: Alfabeta.

Teoh, L., L., and Ng., M., H. (2022). Kerangka Penggunaan Peta Alir dalam Pembelajaran Penulisan Karangan Naratif Bahasa Cina. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *7*(9), e001746, http://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1746

Tune. J., D., Sturek., M., & Basile., D,. P. (2013). Flipped Classroom Model Improves Graduate Students Performance in Cardiovascular, Respiratory, and Renal Physiology. *Advances Physiology Education*, 37, 316–320, https://doi.org/10.1152/advan.00091.2013

Vanessa M. Rivera. (2016). *Flipped Classrooms: Advantages And Disadvantages From The Perspective Of A Practicing Art Teacher* [Master Thesis, State University of New York]. ResearchOnline @ http://hdl.handle.net/20.500.12648/691

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).